

PM harus diberi peluang lebih lama — Abdullah Ahmad

KUALA LUMPUR 10 Mac — Ahli Parlimen Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad berkata hari ini seseorang Perdana Menteri yang telah menunjukkan kemampuannya untuk membawa kemajuan kepada negara dan kesejahteraan kepada rakyat harus diberi peluang untuk mentadbir lama sedikit.

Beliau berkata, ada beberapa contoh antaranya Singapura, Thailand dan Britain yang telah memperolehi kestabilan politik dan melangkah maju hasil dari kejayaan pemerintahan berterusan seseorang Perdana Menteri.

Berucap semasa perbincangan titah diraja di Dewan Rakyat petang ini, Datuk Abdullah menegaskan, beliau menjangka Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan memimpin Malaysia bagi jangka masa yang agak lama kerana prestasi cemerlang yang ditunjukkan sepanjang pentadbirannya sejak tujuh tahun lalu.

“Tidak salah seseorang itu memerintah lama, hatta menjadi ahli Parlimen pun, asal kita sensitif kepada suara rakyat, bersama - sama dengan cita-cita dan matlamat yang mahu ditujukan kepada majoriti rakyat,” katanya.

Menurut Datuk Abdullah, Thailand sekarang telah bergerak maju dengan tanaman modal asing berlipat kali

ganda melebihi Malaysia kerana politiknya stabil sejak Jeneral Prem Tinsulanonda menjadi Perdana Menteri.

“Sebelum ini, Thailand mengekori kita dalam pertumbuhan ekonomi dan beberapa perkara lain tetapi kini ia telah mulai mengatasi kita dalam banyak kegiatan hidup semata - mata kerana iklim politiknya teguh dan rakyatnya bersatu padu, kuat berusaha dan produktif,” katanya.

Singapura pula, katanya, telah menjadi sebuah negara yang termaju dan terkuat dalam bidang ekonomi dan ketenteraan terutama dalam bidang pertahanan udara di Asia Tenggara di bawah pemerintahan Perdana Menteri Encik Lee Kuan Yew selama 23 tahun.

Ahli Parlimen itu berkata, Britain kini telah meningkat maju setelah mulai mengalami kemunduran pada akhir tahun 60an dan awal 70an hasil dari pemerintahan Puan Margaret Thatcher selama 8 tahun 9 bulan iaitu Perdana Menteri Britain yang paling lama terus mentadbir dalam abad ke-20.

“Singapura sejak ia merdeka 23 tahun dahulu dan dalam usia kemerdekaannya hanya ada seorang Perdana Menteri sahaja — Encik Lee Kuan Yew. Indonesia sejak merdeka hanya ada dua presiden sahaja dalam 43 tahun. Kita dalam masa hanya 31 tahun sudah ada empat Perdana Menteri,” katanya.

Dalam hubungan ini, Datuk Abdullah berpendapat Datuk Sri Dr. Mahathir telah menjadi satu fenomena politik di Malaysia seperti Encik Lee Kuan Yew di Singapura dan Puan Margaret Thatcher di Britain.

Bezanya Datuk Sri Dr. Mahathir menjelma sebagai satu fenomena dalam satu masa yang singkat sahaja iaitu 7 tahun.

Suka dipuja

“Saya suka meneka bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir akan memimpin Malaysia bagi jangka masa yang agak lama, mungkin selama Tunku Abdul Rahman atau lebih dari itu. Tunku 13 tahun, Allahyarham Tun Razak 5 tahun dan begitu juga Tun Hussein Onn lima tahun,” katanya.

Menurut Datuk Abdullah, Malaysia telah mencapai kemajuan dalam berbagai bidang sejak Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Katanya, sebelum itu Malaysia tidak tahu membuat kereta tetapi sekarang kereta Proton Saga sudahpun dieksport ke beberapa buah negara asing termasuk ke Eropah.

Belanjawan bagi sosio-ekonomi untuk kesejahteraan rakyat dulu sedikit dibandingkan dengan sekarang, Kementerian Pelancongan tidak wujud, sekarang sudah wujud, Kuala Lumpur sudah cantik, jambatan Pulau Pinang sudah dibina.

“Kilang besi waja ada dan banyak lagi projek yang sedang dirancang bagi faedah semua rakyat. Saya ingin melihat ada keretapi bawah tanah di Kuala Lumpur. Saya tidak nampak ini tidak boleh diadakan jika Singapura boleh. Iklim dan alamnya lebih kurang kita juga,” ujarnya.

Katanya, selain dari kemajuan yang dicapai, Perdana Menteri sendiri telah menjadi seorang tokoh dunia ketiga melalui berbagai usaha yang dijalankan di peringkat antarabangsa seperti memerangi dadah.

Dalam pada itu, Datuk Abdullah berkata, setiap orang termasuk para pemimpin mempunyai kelemahan - kelemahannya yang tersendiri.

Sebagai contohnya, beliau memetik laporan majalah *Observer Sunday* yang mendedahkan bahawa Puan Margaret Thatcher suka lelaki yang kacak dan suka dipuja dan dipuji serta macam - macam lagi.

Namun begitu, tambahnya, Perdana Menteri Britain itu pada keseluruhannya mempunyai banyak sifat yang positif daripada negatif walaupun telah lama menjadi seorang Perdana Menteri.